

sekarang, pegawai itu sendiri bersama-sama menasihati kerajaan.

Kita berhajat supaya majlis itu disusun semula. Lantikan hendaklah dipilih sekurangnya dengan persetujuan badan-badan Islam. Badan besar itu hendaklah mengadakan pula bahagian-bahagiannya dan menjadikan bahagian-bahagian itu bertanggungjawab.

Di dalam perkara mengenai sesuatu binaan undang-undang yang bakal dikenakan kepada umat Islam hendaklah badan itu, setelah menggubal dengan saksama, meminta fikiran-fikiran umat Islam – tidak terus mengemukakan kepada kerajaan sebab apabila perkara itu dibahas di dalam Dewan Undangan tentulah perbahasannya di dalam bahasa Inggeris dan sulit bagi orang-orang Islam yang mengerti hukum Islam hendak mengemukakan pendapatnya sebab yang dihadapi di sana adalah mereka-mereka yang tidak mengerti hukum-hukum Islam dan ada pula di dalamnya tidak berhak membahas perkara-perkara hukum Islam.

Perkara-perkara yang terjadi seperti pada masa-masa yang lalu mestilah tidak akan berlaku lagi. Perkara Undang-undang Cerai (1957) – tidak diluluskan bercerai mengikut undang-undang negeri melainkan dengan persetujuan isteri, juga telah dijadikan undang-undang untuk orang-orang Islam pada hal undang-undang itu tidak ada mengikut peraturan Islam tetapi undang-undang itu mengikut pendapat kita adalah serupa dengan undang-undang Kristian. Dan sudah tentu apabila kerajaan ditanya bagaimana undang-undang itu boleh jadi – tentunya jawabnya bahawa undang-undang ini dikemukakan oleh Majlis Penasihat Islam.

Demikian juga atas Rang Undang-undang Hukum Orang-orang Islam (1960) yang telah dikemukakan kepada kerajaan yang dikemukakan oleh-oleh Majlis Penasihat Islam jika tidaklah kerana bantahan yang kuat dari umat Islam tentunya telah jadi undang-undang dan dikuat kuasakan – untungnya undang-undang itu telah “ditarik untuk disemak” lagi.

Dengan adanya ini maka zahirlah bahawa cara lantikan di dalam Majlis Penasihat Islam itu tidaklah sempurna dan teratur dan segala perbuatannya, jika berkepanjangan seperti itu mungkin tidak akan memuaskan umat Islam terutamanya majlis itu tidak bertanggungjawab akan apa yang telah dibuatnya seperti di dalam perkara-perkara yang menjadi sungutan umat Islam sekarang.

Mudah mudahan hal ini mendapat perhatian dari Kementerian Dalam Negeri khasnya dan daripada Seri Paduka Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, supaya tiap-tiap undang-undang yang mengenai umat Islam tidak dibuat menyalahi atau bertentangan dengan syarak Islam sebab yang demikian ini akan membawa akibat yang tidak digemari.

* * *

Majikan-majikan Kecil Dengan Buruhnya

Terbit sesuatu pertelingkahan di antara majikan besar atau kecil dengan anggota-anggota persatuan sekerja, jika mereka tidak dapat berselesai, dengan perantaraan Pejabat Buruh maka jika mereka keduanya bersetuju perkara mereka boleh dibawa atau dikemukakan ke dalam mahkamah orang tengah atau pun di atas sesuatu perkara Yang Dipertuan Negara berhak memerintahkan supaya perselisihan itu dibawa ke mahkamah orang tengah.

Diperundang-undangkan, bahawa bagi buruh yang menjadi anggota kesatuan sekerja boleh memberi kuasa untuknya mewakili buruh itu. Setiausaha Kesatuan Sekerja bagi pihak buruh itu pula boleh melantik sesiapa jua bagi pihaknya di dalam perbicaraan di hadapan mahkamah orang tengah itu.

Pihak majikan pula diluluskan boleh ia mewakilkan kepada kesatuan majikan atau pun tuan punya atau penguasa syarikat itu atau pun salah seorang daripada kakitangan pejabatnya – dan tidak diluluskan sama sekali di atas orang-orang lain daripada orang-orang tersebut.

Undang-undang peraturan yang tersebut adalah mengenai seluruhnya, sama ada majikan besar atau kecil, yang mempunyai buruh beribu-ribu orang atau pun mempunyai beberapa orang yang tidak sampai kepada angka sepuluh.

Bagi majikan-majikan besar, di dalam perusahaannya teratur dan modalnya juga kuat serta mempunyai wang-wang cagaran (*reserve fund*). Mereka mempunyai kemampuan untuk menjadi ahli kesatuan-kesatuan majikan, mereka sanggup mengadakan bayaran-bayaran di dalamnya dan mereka mempunyai kakitangan-kakitangan yang berkeelayakan yang mengerti selok belok undang-undang buruh dan perkara-perkara yang berkenaan dengan mahkamah.

Tetapi majikan-majikan kecil, yang mempunyai buruh-buruh yang sedikit, yang buruhnya jika dikumpulkan tidak kurang pula banyaknya dengan buruh majikan besar – keadaannya jauh berbeza.

Kebanyakan majikan-majikan itu berasal dari buruh, daripada pengalaman yang didapatinya dari memburuh itu lalu ia berusaha dengan sepenuh tenaganya membuka perusahaan

sendiri dengan modal yang sangat kecil. Majikan-majikan ini, untuk menjayakan usaha siang malam terus menerus bekerja membanting tulang. Masanya sepenuhnya ditumpukannya di dalam memajukan usahanya – jika ia bernasib baik perusahaannya hidup – jika tidak perusahaannya mati.

Bagi majikan-majikan seperti ini tentunya, jika terjadi sesuatu perselisihan dengan buruhnya, tidak ada tempatnya untuk meminta fikiran dan pendapat kerana sudah barang tentu ia tidak sanggup menjadi ahli persatuan persekutuan majikan disebabkan bayaran-bayarannya yang besar. Menghadapi mahkamah sendiri, tidak ada pengalaman dan tidak tahu pun peraturan dan undang-undang mahkamah yang mengenai buruh; hendak diserahkan kepada kakitangan, umumnya segala pekerjaan di pejabatnya dijalankan seorang diri, tidak ada yang mengerti menjalankan kerja-kerjanya ataupun tidak mempunyai kemampuan untuk menggaji orang-orang yang berkeelayakan.

Dengan keadaan yang demikian, majikan-majikan kecil terpaksa mencari jalan damai sahaja dengan kesatuan buruhnya, tetapi sekali atau dua kali ia mampu tetapi akhirnya perbelanjaan-perbelanjaan perusahaan semakin tinggi dan hasil semakin rendah sebab perlawanan dan persaingan harga. Ini juga menjadi sebab timbul dua perkara:

Pertama: Kalau terbit sesuatu perselisihan dengan buruhnya, mau pergi mahkamah orang tengah terasa tidak ada kesanggupan untuk memaparkan keadaannya kerana kedatangannya ke sana berkeadaan seperti orang buta; yang dengan ini ia terasa bahawa dirinya sudah terang

akan “terzalim” kerana kurang pengertiannya.

Hendak dicari wakil orang yang tahar¹

tidak pula dibolehkan.

Kedua: Mencari jalan menutup perusahaannya –
Ertinya mata pencarian sebahagian buruhnya
akan tertutup daripadanya.

Inilah kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh majikan-majikan
kecil menghadapi buruhnya disebabkan undang-undang yang
sama di antara majikan besar dan majikan kecil.

Kerana majikan-majikan kecil ini kebanyakan berasal
dari buruh dan tidak pula banyak yang mengetahui selok
belok undang-undang buruh terutamanya tidak ada masanya
bagi mengkaji peraturan-peraturan buruh maka seyogialah
kerajaan memberi perhatian dan timbangan kepada mereka.
Mereka patut mendapat perhatian yang saksama dan
timbangan yang penuh daripada kerajaan kerana kehidupan
mereka adalah lebih berat daripada tanggungan seorang buruh
di dalam memajukan usahanya untuk mencari sara
hidupnya.

Perhatian kerajaan atas ini baharulah bermakna
yang kerajaan adalah memerhatikan seluruh kehidupan rakyat
- tidak segolongan diberi kelulusan dan segolongan
menderita sebab-sebab perbuatannya, adanya.

* * *

Suara Malaysia ke Indonesia

Ulasan-ulasan radio Suara Malaysia ke Indonesia
mengenai bagaimana bahayanya pemerintahan Sukarno memerintah
di Indonesia adalah bernas dan patut dipuji,
ulasan-ulasan yang dibuat itu adalah ulasan-ulasan umum

mengenai siasah tetapi hampir-hampir tidak tersebut bagaimana
agama Islam ditindas oleh Sukarno dan komplotannya.

Di dalam pemilihan umum yang pernah diadakan
di Indonesia masa yang lampau adalah menjadi gambaran
bahawa daerah Jawa Barat dan Jawa Timur adalah parti-parti
Islam masih kuat iaitu selain daripada di daerah-daerah
lain daripada Pulau Jawa hampir-hampir semuanya dikuasai
oleh Masyumi, ertinya parti-parti Islam.

Sekarang Masyumi sudah diharamkan tetapi
orang-orang Masyumi masih hidup. Ertinya di daerah-daerah
selain daripada Pulau Jawa orang-orang Islam masih ada
dan masih bersedia bergerak.

Untuk mereka adalah perlu kepada penerangan-penerangan dan
semangat perjuangan mereka dihidupkan jika kerajaan
berfikir perlu meruntuhkan pemerintahan Sukarno yang
ditunggangi oleh *Communist* itu.

Radio Malaysia wajib mengadakan ulasan-ulasan
mengenai perkara yang tersangkut dengan keagamaan
di Indonesia. Untuk mengadakan ini mestilah berhati-hati
menggunakan orang-orangnya iaitu janganlah digunakan orang-orang
yang biasa *bermudhabdhab* atau bermuka dua. Ini berbahaya dan
propagandanya tidak akan berkesan.

Carilah orang-orang kita sendiri untuk
mengelolakan supaya lebih berkesan dan boleh diterima oleh
seluruh umat Islam Indonesia.

Hancurkanlah pemerintahan Sukarno dengan
menggunakan jalan menghidupkan semangat perjuangan
umat Islam mengawal negaranya daripada perkosaan
Communist dan perbuatan sewenang-wenang Sukarno!

¹ Perkataan sebenar ialah ‘tahu’